

Lindungi anak daripada didera

Fenomena penderaan anak yang membimbangkan ini perlu dicari penyelesaian

ANAK sangat penting dalam kehidupan pasangan yang telah berkahwin. Pada kebiasaannya anak yang lahir disambut dan dirai dengan penuh kasih sayang.



FiqhMunakahat

Bersama PROF. MADYA DATIN NOOR AZIAH MOHD. AWAL
Pensyarah Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia
dan boleh dihubungi melalui emel naha@pkrisc.cc.ukm.my

Biasanya apabila seorang wanita mengandung, ibu bapanya akan membuat kenduri kesyukuran, setelah lahir diadakan kenduri cukur rambut dan akikah.

Apabila anak dilahirkan, semua ahli keluarga, sanak saudara dan rakan taulan berduyun-duyun datang melawat pasangan yang baru mendapat anak.

Dalam adat Melayu orang yang menziarahi akan membawa hadiah. Malah semasa kenduri cukur rambut, perkara yang sama dilakukan. Cara sambutan sebegini membuktikan bahawa anak yang dilahirkan itu akan dijaga dengan baik dan penuh kasih sayang.

Oleh itu, mendera atau memukul anak bukanlah satu tabiat ibu bapa atau masyarakat Malaysia.

Pun begitu, hampir setiap hari kita dimomokkan dengan berita penderaan kanak-kanak sama ada oleh ibu bapa, penjaga atau pembantu rumah.

Islam melarang keras mendera anak. Malah Islam menggalakkan kita menyayangi anak. Di Malaysia, penderaan anak bukan fenomena baru. Dalam kes Balasundran, seorang penjaga telah dijatuhkan hukuman mati kerana didapati bersalah membunuh kanak-kanak berumur 26 bulan.

Kanak-kanak tersebut mengalami kecederaan fizikal dan seksual. (*Utusan Malaysia*, Mei 1992). Kes ini adalah kes yang menjadi penyebab utama kerajaan meluluskan Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 (Akta 468) yang kini diganti oleh Akta Kanak-kanak 2001.

Di Malaysia penderaan anak adalah isu undang-undang jenayah yang diletakkan dalam bidangkuasa Parlimen Persekutuan. Ini adalah akta yang terpakai kepada

Ada kemungkinan terjatuh tetapi tidak dimaklumkan kerana takut. Anak muntah-muntah, itu adalah tanda paling utama untuk anak dibawa ke hospital segera.

Doktor yang merawat ada tanggungjawab di bawah Akta Kanak-kanak 2001 untuk memeriksa anak dengan teliti dan jika menyaki anak didera atau mengalami kecederaan, boleh menahan anak diwad untuk pemeriksaan lanjut.

Mengikut seksyen 27(1): Jika seseorang pegawai perubatan atau pengamal perubatan berdaftar mempercayai atas alasan-alasan yang munasabah bahawa seseorang kanak-kanak yang sedang diperiksanya atau dirawatnya telah dcederakan dari segi fizikal atau emosi akibat teraniaya, terabai, terbuang atau didedahkan, atau teraniaya dari segi seks, dia hendaklah dengan serta-merta memberitahu seorang Pelindung.

Seksyen 27(2) pula memperuntukan Mana-mana pegawai perubatan atau pengamal perubatan berdaftar yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. (3) Jika pengamal perubatan berdaftar yang disebut dalam subseksyen (1) ialah seorang pegawai perubatan, maka dia boleh mengambil kanak-kanak yang disebut dalam subseksyen itu ke dalam jagaan sementara sehingga jagaan sementara kanak-kanak itu diambil alih oleh seorang Pelindung atau pegawai polis.

Menyelamatkan



dan polis. Jika dulu, ibu bapa merotan anak-anak untuk mendisiplin anak mereka, kini merotan sebagai cara mendisiplin dilaksanakan dengan berhemah.

Jika mencederakan, tindakan boleh diambil terhadap ibu bapa. Di sekolah pun, merotan sebagai satu hukuman hanya boleh dilaksanakan oleh pengetua atau guru disiplin.

Saya sendiri mencadangkan dalam satu perbincangan meja bulat dengan guru-guru dan persatuan ibu bapa dan guru, merotan sebagai hukuman di sekolah patut dihapuskan.

Ini selaras dengan Konvensyen Hak Kanak-kanak yang mana Malaysia telah menjadi ahli. Ia juga melindungi maruah kanak-kanak daripada dimalukan secara terbuka.

Hari ini, memberi kanak-kanak yang nakal kaunseling menunjukkan kesan yang lebih positif daripada mengambil tindakan merotan atau menghukumnya secara fizikal. Islam melarang memukul anak hingga mencederakan.

Rasulullah SAW sendiri sukakan kanak-kanak dan mencium di ubun-ubun mereka. Jika Rasulullah SAW sendiri mesra kanak-kanak, tentulah kita perlu mengikut sunnah baginda

undang-undang jenayah yang diletakkan dalam bidangkuasa Parlimen Persekutuan.

Ini adalah akta yang terpakai kepada semua orang di Malaysia bertujuan melindungi kanak-kanak daripada didera dan dalam masa yang sama mempertahankan hak kanak-kanak.

Dalam kategori pertama iaitu kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan adalah mengikut seksyen 17. Seksyen 17 sangat luas ruang lingkupnya di mana ia termasuk kanak-kanak yang didera .

Jika diamati peruntukan dalam seksyen 17(2), kecederaan fizikal adalah yang paling mudah dikesani. Kanak-kanak yang didera secara fizikal akan mengalami luka, bengkak, patah, lecur dan sebagainya.

Jika kanak-kanak tidak nampak luka atau bengkaknya dan anak itu terlalu kecil untuk mengadu tentang kesakitannya tetapi menangis tidak henti-henti, muntah-muntah, maka dia mungkin mengalami kecederaan dalaman.

Jika anak tidak berhenti menangis selepas diambil dari rumah pengasuh maka bawalah anak ke klinik segera.

Menyelamatkan

Peruntukan ini sangat penting kerana bertujuan melindungi kanak-kanak daripada mengalami kecederaan teruk.

Jika kecederaan dapat dikesan segera, tindakan dapat diambil segera dan boleh menyelamatkan nyawa anak. Tidak dapat dinafikan ibu bapa kadang-kadang terlepas pandang kecederaan anak sehingga apabila dibawa ke hospital, sudah terlambat untuk diselamatkan.

Doktor juga, dalam kesibukan bertugas ada kemungkinan terlepas pandang isu penderaan anak ini. Doktor yang cuai boleh dikenakan tindakan dan ibu bapa yang cuai juga boleh dikenakan tindakan.

Namun secara realitinya jika seorang kanak-kanak didera dan meninggal dunia kerana penderaan tersebut, maka penderalah yang akan dihadapkan ke mahkamah untuk dikenakan hukuman seperti kes Balasundram.

Kecederaan fizikal lebih mudah dibuktikan dengan adanya laporan doktor

kanak-kanak dan melindungi diri dan diri mereka. Jika Rasulullah SAW sendiri mesra kanak-kanak, tentulah kita perlu mengikut sunnah baginda.

Apa yang menjadi persoalan, kenapa ibu bapa atau penjaga yang sepatutnya menyayangi anak mereka tetapi tergamak mencederakan pula. Apatah lagi yang mendera itu adalah individu yang mengandung dan melahirkan anak tersebut.

Kebanyakan ibu yang mencederakan anaknya sendiri, adalah ibu yang didera oleh suami atau keluarganya sehingga dia mengalami sakit mental yang menyebabkan dia pula mencederakan anaknya.

Bagi saya, Allah SWT telah menjadikan wanita dengan fitrah keibuan yang menyayangi anak dan sanggup berkorban jiwa raga demi anaknya. Hari ini jumlah ibu yang mendera anak sendiri juga tinggi. Sepatutnya ia tidak berlaku.

Inilah fenomena yang membimbangkan dan perlu dicari penyelesaiannya. Penderaan fizikal kanak-kanak adalah penyiksaan terhadap kanak-kanak. Ia mesti diberhentikan. Kanak-kanak mesti diselamatkan dan dilindungi.



Kategori kanak-kanak di bawah Akta Kanak-kanak 2001

- Kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan.
- Kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan pemulihan.
- Kanak-kanak yang melakukan kesalahan jenayah.
- Kanak-kanak yang dilarikan dan diperdagangkan

Penderaan dalam seksyen 17(2) ialah:

- Dicederakan dari segi fizikal jika ada kecederaan dan boleh dilihat pada mana-mana bahagian tubuh kanak-kanak itu akibat pengenaan kekerasan atau agen yang bukan tidak sengaja kepada tubuh kanak-kanak itu yang didalilkan dengan, antara lain, laserasi, kontusi, lelasan, parut, patah atau kecederaan tulang yang lain, dislokasi, seliuh, pendarahan, pecah viskus, luka terbakar, melecur, hilang atau berubah kesedaran atau fungsi fisiologi atau gugur rambut atau gigi.
- Dicederakan dari segi emosi jika ada gangguan yang *substansial* dan boleh dilihat pada fungsi mental atau emosi kanak-kanak itu yang didalilkan dengan, antara lain, kecelaruian mental atau tingkah laku, termasuk keresahan, kemurungan, penyendirian, kelangsangan atau perkembangan lambat.
- Teraniaya dari segi seks jika dia telah mengambil bahagian, sama ada sebagai peserta atau pemerhati, dalam apa-apa aktiviti yang berunsur seks.